

Syariat hantar memorandum minta bantuan PM

BH 13 AUG 2000

KULIM: Platinum Lane Sdn Bhd (PLSB) dipercayai menghantar memorandum kepada Perdana Menteri meminta masalah yang mereka hadapi sekarang diberi perhatian.

Memorandum setebal dua muka itu dikeluarkan PLSB kira-kira jam 10 pagi semalam dan dilekatkan pada beberapa yintu di Pusat Perniagaan Putra, Jalan Kilang Lama, di sini.

Memorandum lima perkara itu meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membantu kira-kira 30,000 ahli PLSB seluruh negara yang menyertai perniagaan berkenaan.

Menurut memorandum itu, PLSB juga mempunyai tanggungjawab terhadap 300 pekerjanya yang bergantung kepada syarikat berkenaan.

Tuntutan lain:

- Memohon PLSB dibenarkan terus menjalankan perniagaan belian barangan yang sehingga kini tiada percanggahan dengan Akta Bank dan Institusi Kewanaan (Bafia).

- PLSB akan patuh dengan siasatan yang dilakukan Bank Negara Malaysia (BNM) walaupun sehingga kini masih dalam siasatan dan belum ada sebarang dakwaan.

- Mengenai kontrak belian bauer barangan yang dikatakan seba-

gai pengambilan deposit, PLSB memohon mereka dibenar memulangkan kembali hak pengguna dalam tempoh siasatan sedang dijalankan.

Menurut kenyataan memorandum itu, permohonan berkenaan dibuat untuk mententeramkan pelbagai pihak, termasuk profesional dan ahli Umno yang terabit dalam Program Bina Usahawan Cemerlang yang dilancarkan PLSB.

Sementara itu, kebanyakan pelanggan PLSB yang ke pejabat syarikat itu di sini, semalam tidak mengetahui rancangan syarikat itu mengeluarkan memorandum berkenaan.

Mereka datang untuk menukarkan baki kupon untuk membeli barangan di pasar raya syarikat berkenaan. Bagaimanapun, tiada sebarang urusan dijalankan.

Beberapa kumpulan kecil dilihat memasuki satu premis di situ, dipercayai untuk mendengar penerangan PLSB.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendan Adlan Abdul Shukor, berkata polis sedang memantau kawasan berkenaan bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Katanya, pengurusan PLSB juga mungkin perlu memberi penjelasan kepada ahlinya dari semasa ke semasa mengenai perkembangan terkini mengenai operasi syarikat berkenaan.